



Headline: Ramai mudah percaya
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 16 August 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 35

Ramai mudah percaya

Jenayah siber di Pulau Pinang membimbangkan

SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Jenayah siber di Pulau Pinang membimbangkan apabila 731 kes dilaporkan membabitkan kerugian kira-kira RM20.6 juta sejak Januari hingga Julai tahun ini.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk T Narenasagan berkata, lebih membimbangkan daripada jumlah itu dianggarkan sekurang-kurangnya tiga kes jenayah dilaporkan setiap hari.

Menurutnya, tahun lalu jumlah kes meningkat sebanyak 6.6 peratus berbanding 965 kes pada 2017.

"Dalam tempoh tujuh bulan menunjukkan peningkatan mendadak. Pada 2017 sebanyak 965 kes dicatatkan dengan kerugian RM19.3 juta manakala



Narenasagan mengadakan sidang media yang turut dihadiri beberapa pihak yang terlibat dengan Seminar Keselamatan Antarabangsa Kelima di IPK Pulau Pinang semalam.

1,031 kes dengan kerugian RM29.7 juta pada tahun lalu," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang semalam.

Beliau berkata, jenayah siber yang dicatatkan meliputi pelbagai modus operandi termasuk love scam dan macau scam.

"Masih ada yang tertipu dengan sindiket ini walaupun sudah banyak kali dinasihati," katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa agensi

kerajaan tidak akan membuat panggilan telefon jika berurusan dengan pelanggan dan menggunakan surat rasmi.

"Jika ada yang menerima panggilan telefon atau sistem pesanan ringkas, 99.9 peratus adalah palsu," katanya.

Beliau berkata, orang ramai juga diminta tidak tertipu dengan panggilan kononnya mereka disiasat pihak berkuasa atas kesalahan tertentu sehingga akaun bank dibekukan dan

perlu memindahkan wang ke akaun lain.

"Anda tidak akan tahu anda sedang disiasat atau suspek dalam sesuatu kes sehingga polis tiba di rumah anda.

"Kebiasaannya, peminjam dari mana-mana agensi kewangan hanya menerima mesej untuk mereka membayar balik pinjaman sahaja dan bukan diberi nombor akaun lain dan perlu membayarnya menerusi *online*," katanya.

Terdahulu, Narenasa-

SUMBER BERNAMA

PENIPUAN SIBER

Sejak 2008, aduan insiden penipuan siber adalah yang tertinggi dikemuka saban tahun berbanding jenayah siber lain

3,127

Kes penipuan siber dilaporkan kepada Malaysia Computer Emergency Response Team (myCERT) bagi Januari hingga Julai 2019

Jenayah	Jumlah aduan kes
Penipuan siber	5,123
Pencerobohan	1,805
Kod jahat	1,700

ANTARA JENIS ADUAN :

- Memancing data (phishing)
- Penipuan pekerjaan
- 'Nigerian scam'
- Penipuan dalam talian termasuk urus niaga jual beli berangan
- Penipuan loteri

LAPORKAN JENAYAH SIBER MELALUI :

- Panggilan telefon: 1-300-88-2999
- Faksimili: 03-8008 7000
- Khidmat pesanan ringkas: CYBER999 REPORT to 15888
- E-mel: cyber999@cybersecurity.my

Sumber : CyberSecurity Malaysia

Infografik Bernama

LANGKAH ELAK JADI MANGSA PENIPUAN :

- Jangan mengemas kiri status yang menunjukkan anda kesyarifan, sedang mencari pasangan hidup, berdesak untuk membeli lesen/ang
- Jangan terlalu mudah terima permohonan untuk menjadi rakan di media sosial
- Tidak terpedaya dengan sebarang pulun & puak rayu rakan media sosial
- Jangan mudah percaya dengan sebarang tawaran hadiah
- Timbulkan perasaan ragu & syak khususnya kepada pernyataan seolah-olah dia berkeselamatan, berpangkat, baru mendapat pekerjaan, berkahla & lain-lain (yang kelihatan terlalu indah)
- Netizen perlu lebih berhati-hati sekiranya ada sebarang komunikasi melibatkan wang

garan mengumumkan penganjuran Seminar Keselamatan Antarabangsa Kelima akan diadakan pada 24 dan 25 Septembe membabitkan Presiden Persatuan Fraud Bertauliah Malaysia (ACFE), Datuk Seri

Akhbar Satar dan Pengerusi Eksekutif Internet Fraud Watchdog Ltd (IFW), Ken Gamble sebagai panel.

Pendaftaran boleh dilakukan di laman web www.mcpfpg.org/iss2019.